



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' FADLUN BIN MAK UJUD
PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA**

**MAJLIS PENYERAHAN PERABOT TAMAN WOOD PLASTIC COMPOSITE (WPC) DAN
PERTUKARAN NOTA KOLABRASI ANTARA LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU
MALAYSIA DAN PERBADANAN PUTRAJAYA**

3 JUN 2022

**DI ANJUNG FLORIA, PRESINT 4
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

الرَّحِيمُ الرَّحْمَنُ اللَّهُ بِسْمِ

Terima kasih saudari Pengacara Majlis

SENARAI SALUTASI

1. YBrs. Tuan Haji Mahpar Atan

Ketua Pengarah, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)

2. YBrs. Encik Pubadi a/l Govindasamy

Setiausaha Bahagian Kanan (SUBK), Bahagian Kemajuan Industri Kayu Kayan, Tembakau dan Kenaf (KTK)

3. YBrs. Encik Abd Aziz Bin Buang,

Naib Presiden Jabatan Lanskap & Taman.

Pegawai-pegawai Kanan, Wakil-wakil agensi swasta, pihak industri dan rakan-rakan media

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang saya hormati sekalian;

لَسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Salam Sejahtera, dan Salam Keluarga Malaysia.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa syukur kepada Allah S.W.T, kerana dengan limpah dan izin-Nya; dapat kita berkumpul pada petang ini di Majlis penyerahan perabot taman dan pertukaran Nota Kolabiasi antara Perbadanan Putrajaya dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).
2. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian **YBrs. Tuan Haji Mahpar Atan**, selaku Ketua Pengarah, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) memilih Perbadanan Putrajaya untuk berkolabiasi di dalam Projek Penggalakkan Pasaran Dan Promosi Produk *Wood Plastic Composite* (WPC) di Taman Awam.
3. Bertepatan dengan visi Perbadanan Putrajaya memastikan Putrajaya menjadi sebuah Bandaraya Pentadbiran Mampan bertaraf dunia, usaha-usaha kerajaan dalam memertabatkan Negara Berteknologi Hijau sangat di sokong oleh Perbadanan. Justeru cadangan projek perabot taman jenis *wood plastic composite* yang dicadangkan oleh MITB di terima dengan besar hati oleh Perbadanan.
4. Sebanyak empat set perabot taman berasaskan WPC akan diserahkan kepada Perbadanan. Dimana lokasi pemasangan perabot taman tersebut telah dipilih di salah satu lokasi tumpuan pengunjung dan antara tarikan baru di Putrajaya iaitu di Anjung Floria.

5. Untuk makluman, Perbadanan Putrajaya telah membuka beberapa lokasi tarikan baru di Putrajaya antaranya Tangga Putrajaya di Presint 1, Glamping Wetland di Presint 12 dan Pit Stop di Anjung Floria, di Presint 4.
6. Pit Stop di Anjung Floria merupakan kawasan strategik yang telah dikenalpasti untuk dibangunkan sebagai tempat persinggahan atau pit-stop kepada pengunjung. Tapak yang strategik dari segi kedudukannya yang berhubung dengan sisiran Tasik Putrajaya, laluan sikal bandar, laluan sikal dan pejalan kaki sisiran tasik serta laluan cruise membolehkan pengunjung menjalankan aktiviti riadah seperti berbasikal, berjalan kaki, berjoging, dan berkelah di sekitar Putrajaya.
7. Pit-Stop ini juga dilengkapi pelbagai kemudahan yang lengkap dan teratur termasuk Taman Persahabatan Malaysia China, English Garden, Pantai Pasir (Sandy Beach), Long Cabin (afe), Kedai basikal Qayoh (sewaan basikal), Aktiviti Berkayak, aktiviti memancing, aktiviti Remote Control (RC) Boat, Nurseri Pokok (Garden Shop) dan lain-lain.
8. Perletakan 4 set perabot taman di Anjung Floria ini akan dapat digunakan oleh pengunjung yang datang untuk berekreasi di Anjung Floria selain boleh dijadikan model dan perintis kepada projek-projek yang berkonsepkan hijau dan mesra alam di masa akan datang
9. Selain itu, pada 29hb Ogos hingga 4hb September 2022 Floria Diraja Putrajaya 2022 juga akan berlangsung di Anjung Floria,

dimana peletakan perabot taman ini disini akan dapat dimanfaatkan oleh pengunjung-pengunjung di tapak Floria nanti.

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Perbadanan Putrajaya sangat berbesar hati dengan kolabiasi ini memandangkan setelah 26 tahun putrajaya dibangunkan terdapat banyak kemudahan taman yang berasaskan kayu khususnya di Taman-taman awam perlu ditukar dan dinaiktara. Dengan kolabiasi ini kita akan dapat menyaksikan dan menilai sendiri kekuatan dan ketahanan produk berasaskan *wood plastic composite* yang telah di pasang di tapak.

PENUTUP

11. Akhir sekali saya, ingin sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak MTIB atas kolobrasi ini dan diharapkan perabut taman berasaskan WPC yang dipasang di tapak dapat di manfaatkan oleh para pengunjung di samping dapat dipromosikan agar lebih ramai lagi pengguna menggunakan bahan altenatif ini di Malaysia. Saya juga berharap melalui jalinan kolabasi ini hubungan baik antara MTIB dan PPJ akan berterusan untuk sebarang aktivi bersama di masa akan datang.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum W.B.T.